

**Rakyat Perlu Aktif Bantu Polis Kurangi Kadar Jenayah - Najib  
Bernama  
24 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak meminta rakyat memberi sokongan dan memainkan peranan aktif untuk membantu polis mengurangkan kadar jenayah dan mengekalkan keamanan negara.

Beliau berkata setiap individu atau organisasi perlu memikul tanggungjawab bersama pasukan keselamatan untuk meningkatkan keberkesanan dalam usaha memerangi jenayah.

Katanya, masyarakat tidak semestinya berkhidmat dalam pasukan polis atau menawarkan diri menjadi sukarelawan polis untuk menyedari kepentingan membanteras jenayah secara holistik.

"Contohnya, perancang bandar boleh merancang struktur bandar supaya ciri-ciri keselamatan dalam perancangan bandar adalah selamat atau arkitek boleh mengambil kira konsep keselamatan semasa mereka bentuk rumah.

"Di peringkat peribadi pula, pemilik rumah boleh membeli sistem kawalan keselamatan rumah bagi mencegah orang memasuki rumah. Inilah antara yang kita perlu buat supaya tanggungjawab pihak polis dikongsi bersama," katanya dalam ucapan perasmian sempena sambutan Peringatan Hari Polis ke-207 di Pusat Latihan Polis (Pulapol), Jalan Semarak, Kuala Lumpur, Selasa.

Najib berkata walaupun kerajaan komited memperbesarkan pasukan polis, namun hakikatnya polis tidak boleh berada di semua tempat pada setiap masa.

"Sebaliknya kita perlu memainkan peranan, sudah tentu hasrat untuk mengurangkan kadar jenayah, akan tercapai. Kita memperlihatkan kejayaan polis mengurangkan kadar indeks jenayah sehingga penghujung 2013, sebanyak 6.16 peratus," katanya.

Najib menegaskan sungguhpun pencapaian indeks jenayah menurun, namun ia perlu seiring dengan tahap kepuasan terhadap perkhidmatan selain usaha berterusan oleh pasukan itu untuk memberi persepsi positif kepada rakyat.

"Berdasarkan statistik, jenayah indeks telah menurun sebanyak 4.3 peratus atau 6,607 kes, jenayah kekerasan menurun 1.9 peratus (575 kes) dan jenayah harta benda menurun 4.9 peratus (6,032 kes)," katanya.

Walaupun indeks jenayah menurun, Najib berkata rakyat mempunyai persepsi yang sama dengan penurunan itu, dan inilah merupakan cabaran polis yang paling besar.

"Kita mesti terus berusaha supaya rakyat akan merasakan kepuasan terhadap apa yang kita lakukan dan merasakan bahawa indeks jenayah, walaupun pada hakikatnya telah menurun, tetapi soal persepsi ini mestilah seiring data atau indeks yang sebenar.

"Dengan pengurangan kadar jenayah negara, saya percaya usaha-usaha terbaru yang dilakukan oleh PDRM akan membuahkan hasil membanggakan rakyat, dan meningkatkan persepsi rasa selamat serta keyakinan kerajaan kepada pasukan polis," kata Najib.

Perdana Menteri berkata tema Hari Polis ke-207 iaitu 'Komuniti Sejahtera Komitmen Kami' bertepatan dengan komitmen berterusan polis untuk terus meletakkan masyarakat sebagai keutamaan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

Sebelum itu, Najib memeriksa kawalan kehormatan dan menyaksikan perbarisan oleh kira-kira 2,000 pegawai dan anggota polis di Dataran Kawad Pulapol.

Beliau juga menyampaikan Anugerah Kenaikan Pangkat Secara Medan kepada 23 pegawai dan anggota polis termasuk Salmah Nordin, balu Allahyarham Koperal Raja Aizam Raja Mohd dari Unit Kereta Peronda Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Selatan, yang maut selepas diserang hendap sekumpulan warga asing di Taman Sentosa, Klang, dua minggu lepas.

Najib kemudian melancarkan buku 'Outreach & Engagement - PDRM.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1024658>